

Headline	Laluan Warisan KL		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	28	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	ARDYHANSAH AMAT	AdValue	RM 14,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,989



■ 242 pokok ditanam sepanjang 1.5km dalam projek bernilai RM4.5j

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Sebanyak 242 pokok akan ditanam di laluan sepanjang 1.5 kilometer sebaik kerja pembaikan dan pengindahan Laluan Warisan Kuala Lumpur 2 siap pada penghujung Ogos ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, projek berkenaan membabitkan laluan dari Jalan Melaka ke pusat maklumat Perhutanan Bukit Nenas yang turut melalui Jalan Gereja dan Jalan Raja Chulan.

"Ia usaha mewujudkan rangkaian jejak warisan yang selamat untuk orang ramai khususnya pelancong dengan menghubungkan kawasan dan bangunan yang mempunyai nilai sejarah di dalam bandar raya.

"Selain itu, projek ini turut mengambil kira penyediaan infrastruktur mesra orang kelainan upaya (OKU).

"Oleh itu, beberapa per-

Laluan Warisan KL



AHMAD Phesal (kanan) membuat tinjauan bersama wakil media dan NGO di Laluan Warisan KL 2, semalam.

FAKTA
Projek bermula 16 Januari lalu
dijangka siap pada 30 Ogos tahun ini

ubahan dilakukan terutamanya membabitkan pemotongan dan penanaman pokok bagi membolehkan penstrukturan semula laluan OKU dilakukan," katanya kepada sesi penerangan konsep keseluruhan reka bentuk projek itu kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil media, di sini, semalam.

Beliau berkata, penerangan itu penting memandangkan orang ramai termasuk badan NGO cukup sen-

sitif serta mementingkan kawasan hijau di bandar raya ini.

"Pokok yang dipotong itu akan diganti dengan pokok baru termasuk pokok hutan yang bersesuaian berdasarkan cadangan daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan beberapa jabatan di DBKL.

"Selain itu, penstrukturan semula susunan pokok dan keluasan tapak pokok turut dilakukan bagi memastikan ia lebih tersusun, tidak me-

rosakkan infrastruktur serta membolehkan memudahkan laluan bagi OKU," katanya.

Projek yang menelan belanja keseluruhan termasuk pembinaan infrastruktur sebanyak RM4.5 juta itu sudah bermula pada 16 Januari lalu dan dijangka siap pada 30 Ogos tahun ini.

Sementara itu, kontraktor yang dilantik mengendalikan penanaman pokok, Landskap Integrasi akan menanam 242 pokok di situ berbanding 140 pokok sedia

ada.

Arkiteknya, Nurulhuda Hayati Ibrahim berkata, sebanyak lapan pokok akan ditebang memandangkan keadaan pokok yang rosak dan hilang bentuk seperti pokok hujan-hujan, ansana dan bongor.

"Pokok itu akan digantikan dengan pokok hutan yang lain seperti kerai, kayu arang dan pelong lilin yang bersifat pokok teduh, mempunyai elemen biodiversiti dan tahan jangka masa panjang," katanya.